

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Rangkul Anugerah Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 di Florida, AS

- Bandar Elmina dinobatkan Anugerah Emas Dunia dalam kategori Pelan Induk manakala Cantara Residences rangkul Anugerah Perak Dunia dalam kategori kediaman bertenagak sederhana rendah.

ARA DAMANSARA / MIAMI, 10 JUN 2023: Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) telah membawa momentum kejayaannya ke peringkat antarabangsa dengan dua kemenangan besar di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 di Florida, Amerika Syarikat.

Pencapaian yang amat memberangsangkan ini membuktikan kredibiliti Syarikat dan justeru mengukuhkan jenama Sime Darby Property di pasaran global.

Bandar Elmina yang dibangunkan Syarikat dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Emas Dunia dalam kategori Pelan Induk (*‘Masterplan’*) bagi reka bentuk holistiknya yang membuktikan bahawa alam semula jadi boleh wujud bersama perbandaran yang terancang dengan baik; manakala Cantara Residences yang merupakan pembangunan kediaman berorientasikan keluarga di perbandaran Ara Damansara, mencapai Anugerah Perak Dunia bagi kategori kediaman bertenagak sederhana rendah (*‘Residential Mid-Rise’*).

Dianjurkan oleh Fédération Internationale des Administrateurs de Bien-Conseils Immobiliers (“FIABCI”), FIABCI World Prix d'Excellence Awards mengiktiraf projek-projek yang mempamerkan kecemerlangan dalam semua disiplin harta tanah yang telah digunakan dalam pembinaan mereka.

“Sime Darby Property kini sedang meneroka konsep-konsep yang inovatif dalam dunia pembangunan harta tanah. Kami amat berbangga dengan pengiktirafan dari pakar industri yang mengesahkan haluan perjalanan kami,” kata Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican.

“Pencapaian anugerah di peringkat antarabangsa melambangkan kejayaan yang amat hebat bagi Syarikat. Kami akan terus kekal inovatif dan adaptif terhadap ‘megatrend’, serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf dalam industri ini,” tambah Dato’ Azmir.

Bandar Elmina yang terkemuka telah direka bentuk untuk kehidupan pelbagai lapisan generasi serta berinspirasikan kehijauan. Pelan induk itu menggabungkan semua aspek kehidupan berlandaskan '*eight pillars of wellness*' sebagai prinsip panduan dan selaras dengan penilaian Tinjauan Kualiti Hidup Mercer ('*Mercer's Quality of Living Survey*') terhadap tahap kebolehdiaman di seluruh dunia. Bandar Elmina yang bersaiz 6,500 ekar ini dikelilingi Hutan Simpan Bukit Cherakah dengan keluasan 2,700 ekar. Perbandaran ini direka dengan trek jogging dan berbasikal sepanjang 90km yang saling bersambung serta Central Park dengan keluasan 300 ekar yang dimanfaatkan sebagai pusat anjuran pelbagai aktiviti dan acara komuniti.

Cantara Residences yang terdiri daripada empat menara yang menempatkan 888 kediaman servis dan 13 unit ruang runcit yang diiktiraf dengan '*Green Building Index*' ("GBI") telah menetapkan standard yang baru untuk kelestarian dan kehidupan yang terhubung. Pembangunan ini terkenal dengan jambatan berkembar '*Living Sky Bridge*', berukuran 168 meter, yang diklasifikasikan di dalam Malaysia Book of Records sebagai Jambatan Gantung Kediaman Terpanjang ('*The Longest Residential Sky Bridge*') di Malaysia. Cantara Residences juga menawarkan kemudahan berkongsi seluas 3.2 ekar yang dikelilingi '*urban forest*', yang telah membantu meningkatkan bilangan kehijauan alam sebanyak 200% sejak permulaan pembangunan.

Sime Darby Property kekal komited sebagai pengganda nilai untuk semua bishak berkepentingan serta memacau inovasi secara berterusan untuk memupuk komuniti yang mampan. "Pengiktirafan ini mengukuhkan lagi dedikasi kami untuk membina perbandaran dan masa depan yang berkekalan, selari dengan matlamat syarikat sebagai pengganda nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi dan planet. Fokus kami menjangkau pembinaan hartanah dan kami akan berusaha untuk memupuk komuniti mampan yang berfaedah kepada generasi akan datang," kata Dato' Azmir.

"Ribuan terima kasih kepada pihak FIABCI kerana mengiktiraf potensi kami, dan kami akan terus membangunkan perbandaran yang cemerlang dan lestari untuk manfaat semua pihak berkepentingan kami," tambah Dato' Azmir.

-TAMAT SIARAN-